



Keadaan Sosioekonomi Nelayan Bandar di Kg. Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah

JALIAH MD SHAH¹

¹Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400,
Kota Kinabalu, Sabah

Correspondence: Jaliah Md Shah (email: jelia14@hotmail.com)

Abstrak

Kehidupan komuniti nelayan sentiasa berhadapan dengan ancaman sama ada oleh kuasa luar mahupun tempatan yang akhirnya menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi dan politik kepada komuniti ini. Pembangunan terutamanya perbandaran memberi impak yang positif dan dalam masa serentak memberi cabaran terhadap aktiviti perekonomian para nelayan. Kertas kerja ini menghuraikan berkenaan manfaat sosioekonomi yang dinikmati oleh nelayan bandar di Kg. Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. Perbincangan dalam makalah ini diasaskan daripada kajian berbentuk etnografi yang melibatkan kaedah temubual secara mendalam terhadap 54 orang nelayan dan pemerhatian turut serta. Dapatan kajian ini mendapati nelayan yang tinggal dalam kawasan bandar memperoleh peluang dan manfaat berbanding nelayan di luar bandar. Nelayan bandar di Kg. Pulau Gaya mendapat manfaat sosioekonomi daripada pembangunan yang pesat berlaku di bandar raya Kota Kinabalu dan sekitar pulau tersebut. Kajian ini telah mengenalpasti empat faedah utama yang diperolehi nelayan bandar iaitu pemasaran ikan lebih mudah, wujud pelbagai alternatif untuk memasarkan hasil tangkapan, aksesibiliti kepada pelbagai kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan serta bandar menyediakan pendapatan tambahan kepada isi rumah nelayan. Kesemua manfaat ini memberi kelebihan kepada nelayan di Kg. Pulau Gaya dan membantu melancarkan lagi aktiviti perikanan mereka.

Katakunci: nelayan bandar, sosioekonomi, Pulau Gaya

Urban fishermen of Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah: Some sosio-economic findings

Abstract

Life of a fishermen community is constantly challenged by external and local forces which ultimately poses various socio-economic and political problems to them. Development especially township while having positive impacts on their life may also bring about new issues to the fishermen's economic activity. This paper examines the socio-economic benefits enjoyed by urban fishermen in the village of Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. The analysis was based on an ethnographic study involving in-depth interviews and participating observations of 54 fishermen there. The findings show that fishermen living in this urban area had more opportunities and benefits than their rural counterparts as the urban fishermen of Pulau Gaya did benefit socio-economically from the rapid development of the Kota Kinabalu city and its surrounding. Four major benefits were identified, namely, greater ease with fish marketing, multiple marketing catches, greater accessibility to various infrastructure and service facilities, and additional side income opportunities due to the city. These benefits enhanced both the socio-economic conditions of the Pulau Gaya fishermen and helped further their fishing activities.

Keywords: socio-economics condition, urban fishermen, Pulau Gaya

Pendahuluan


Di Malaysia, sektor perikanan dianggap sebagai aktiviti ekonomi komuniti luar bandar yang sebahagian besarnya merupakan kumpulan miskin (Firth, 1990; Wan Hashim, 1980; Nik Hashim, 1987; Ishak, 1990; Mohammad Raduan, Mohammad Sharir & Zarina, 2007; Mustaffa, Ishak & Chamhuri, 2007). Punca kemiskinan nelayan dipergaruhi oleh faktor dalaman seperti ketiadaan modal, tidak memiliki peralatan dan teknologi penangkapan ikan yang rendah serta bekerja sebagai awak-awak (Firth, 1990; Wan Hashim, 1980; Ishak, 1990) serta sifat semulajadi sektor ini yang boleh dimasuki oleh sesiapa pun (Béné, 2003). Manakala faktor luaran termasuklah cuaca tidak menentu dan musim ikan (Acheson, 1981), penentuan harga hasil tangkapan (Nik Hashim, 1987), persaingan dengan nelayan komersil serta kepupusan ikan (Mohammad Raduan, Mohammad Sharir & Zarina, 2007) dan impak pembangunan seperti pelancongan (Haliza, 2011; Yahya, 2001) dan perbandaran (Sudarmono, Junaenah & Noor Rahamah, 2012). Kesemua faktor ini akhirnya mempengaruhi pendapatan rendah yang diperolehi para nelayan. Jelasnya, kehidupan komuniti nelayan sentiasa diancam sama ada oleh kuasa luar mahupun kuasa tempatan yang akhirnya menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi dan politik (Wan Hashim, 1980) kepada komuniti ini. Pembangunan seperti pelancongan, perbandaran dan kawasan konservasi boleh memberi kesan positif mahupun cabaran terhadap aktiviti perekonomian para nelayan. Daripada literatur yang sedia ada ini, masih kurang kajian yang membincangkan komuniti

nelayan yang tinggal dan menjalankan aktiviti nelayan di kawasan bandar. Sebaliknya, nelayan hanya disebut sebagai salah satu pekerjaan penduduk miskin bandar (Mohd. Yusof, Kasim & Gari, 2006), bagaimanapun perincian dan dokumen mengenai nelayan di bandar masih kurang. Siapakah nelayan bandar dan apakah kelebihan yang dinikmati oleh nelayan yang tinggal dalam bandar? Bertitik tolak daripada persoalan ini, makalah ini membincangkan profil nelayan bandar dan manfaat sosioekonomi golongan nelayan yang tinggal dalam persekitaran bandar raya Kota Kinabalu.

Pendekatan Penghidupan Mampan

Kajian ke atas nelayan bandar di Kg. Pulau Gaya ini dipandu menggunakan pendekatan penghidupan mampan (*sustainable livelihoods approach*). Konsep penghidupan mampan (*sustainable livelihoods*) mula diperkenalkan menerusi *World Commission on Environment and Development* (WCED) pada tahun 1987 (Chambers & Conway, 1992) sebagai satu cara untuk menghubungkan pertimbangan sosioekonomi dan ekologi dalam struktur polisi yang relevan (Krantz, 2001). Bagaimanapun, konsep ini diperluaskan lagi dalam *United Nations conference on Environment and Development* (UNCED) pada 1992 yang menyokong penghidupan mampan sebagai faktor yang boleh mengintegrasikan polisi dengan pembangunan, pengurusan sumber yang mampan dan pembasmian kemiskinan (Krantz, 2001). Perincian konsep penghidupan mampan dilakukan oleh Chambers dan Conway (1992) yang beranggapan konsep ini turut menyediakan sumber dan syarat untuk memperbaiki dan melaksanakan pengupayaan. Dari segi konsep, penghidupan mampan (*sustainable livelihoods*) melangkaui aspek pendapatan dan penggunaan yang digunakan dalam mengukur fenomena kemiskinan. Sebaliknya, pendekatan ini turut menyentuh keupayaan individu atau isi rumah untuk mengendalikan tekanan dan kejutan, memenuhi keperluan asas serta kelestarian alam sekitar dan kesan baik terhadap kehidupan orang lain (Chambers & Conway, 1992).

Pendekatan penghidupan mampan memberi tumpuan terhadap cara untuk memahami realiti dan keutamaan golongan miskin (nelayan) dalam melakukan sesuatu untuk terus hidup, aset yang boleh diperolehi dan mengenalpasti masalah yang dihadapi (Farrington, Ramasut & Walker, 2002) dalam rutin kehidupan masing-masing. Kepelbagaian dimensi dalam konsep penghidupan mampan ini telah menyebabkan tindakan yang berbeza diambil oleh ahli isi rumah untuk berhadapan dengan persekitaran yang berbeza. Hal ini membuktikan bahawa orang miskin merupakan pihak yang menguruskan semua jenis aset yang berada di sekeliling mereka (Moser, 1998). Berbanding pemahaman konvensional, pendekatan penghidupan mampan mengetengahkan bahawa kemiskinan sebagai suatu keadaan yang tidak stabil, kekal atau statik sebaliknya golongan miskin boleh keluar dan masuk dalam kemiskinan relatif kerana mereka sebenarnya bertindak balas terhadap peluang, tekanan dan kejutan sosial, ekonomi dan persekitaran (Meikle, Ramasut & Walker, 2001). Justeru itu, kertas kerja ini memberi fokus terhadap komponen dalam penghidupan yang merupakan bahagian pertama dalam kerangka pendekatan penghidupan mampan. iaitu aset nyata dan aset tidak nyata dalam isi rumah nelayan digunakan bagi membolehkan mereka terus bertahan dalam penjanaan pendapatan masing-masing.



Rajah 1. *Komponen dalam Penghidupan (Livelihoods)*

Umumnya seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1 terdapat empat komponen yang mendasari penghidupan iaitu aset nyata, aset tidak nyata, orang dan mata pencarian. Di antara komponen tersebut, aset nyata dan aset tidak nyata adalah komponen yang paling kompleks (Krantz, 2001; Chambers & Conway, 1992) dalam penghidupan. Aset nyata iaitu simpanan dan sumber merupakan aset yang dimiliki oleh isi rumah. Chambers dan Conway (1992) memperincikan kedua-dua jenis aset ini iaitu simpanan termasuklah bekalan makanan, simpanan berharga seperti emas, simpanan wang tunai dalam bank dan skim kredit. Manakala sumber pula merangkumi tanah, air, tumbuhan, ternakan dan peralatan pertanian, serta perkakasan domestik. Komponen aset tidak nyata pula terdiri daripada dua elemen iaitu akses dan tuntutan. Akses adalah peluang untuk menggunakan sumber, simpanan/bekalan atau perkhidmatan bagi memperoleh maklumat, material, teknologi, pekerjaan, makanan dan pendapatan. Manakala tuntutan merupakan permintaan dan rayuan yang boleh dilakukan bagi mendapatkan material, sokongan moral dan praktikal atau akses. Menerusi aset nyata dan aset tidak nyata ini, manusia membina dan menjayakan kehidupan masing-masing menggunakan tenaga kerja fizikal, kemahiran, pengetahuan dan kreativiti. Kemahiran dan pengetahuan diperoleh dalam isi rumah dan diwarisi daripada satu generasi ke generasi seterusnya sebagai pengetahuan tradisional, melalui perantisan atau pendidikan formal dan pengalaman (Chambers & Conway, 1992).

Metodologi Kajian

Kajian etnografi ke atas nelayan di Kg. Pulau Gaya, Kota Kinabalu ini dikutip dan dikumpul menerusi pemerhatian ikut serta yang menggunakan teknik pemerhatian, temubual, analisis dokumen, penelitian sejarah hidup dan penulisan diari. Kajian lapangan ini berlangsung selama 10 bulan dan temubual secara mendalam telah dilakukan ke atas 54 orang nelayan sepenuh masa di Kg. Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. Satu set rangka temubual telah disediakan dan soalan yang diajukan kepada para responden adalah mengikut sub-tema khusus misalnya peralatan yang digunakan, kemahiran dan teknik menangkap ikan. Satu sesi temubual yang direkod ini

berlangsung di antara satu jam setengah hingga ke dua jam. Data temubual kemudiannya ditranskrip semula ke dalam bentuk dokumen dan dianalisis mengikut tema. Selain mengutip data menerusi temubual mendalam, pemerhatian turut serta juga dibuat dengan menyertai nelayan ke laut untuk menangkap ikan.

Penemuan Kajian

Konsep Nelayan Bandar

Konsep nelayan bandar yang digunakan dalam kajian ini ditakrif dari segi geografi lokasi tempat tinggal dan secara ekonomi (Nor Hayati, 2010). Nelayan bandar adalah individu atau kelompok individu yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan sebagai pekerjaan sama ada secara sepenuh masa mahupun separuh masa. Individu atau kelompok ini tinggal di pinggir laut dalam kawasan bandar dan pinggir bandar (Kota Kinabalu); lokasi tempat tinggal nelayan terbabit termasuk dalam bidang kuasa Dewan Bandar raya/Majlis Perbandaran; dan berdasarkan banci Penduduk dan Perumahan, isi rumah nelayan di kawasan tersebut telah dikenalpasti sebagai penduduk bandar. Komuniti nelayan ini juga menggunakan kemudahan prasarana yang tersedia di bandar bagi tujuan ekonomi dan kehidupan sosial harian komuniti serta aktiviti menangkap ikan masih menjadi sumber mata pencarian utama ketua isi rumah nelayan (Jalilah, 2015). Selain itu, aktiviti penangkapan ikan dijalankan sebanyak 90 hari dan ke atas dalam tempoh setahun (Ishak, 1990) dan kawasan penangkapan ikan para nelayan adalah dalam kawasan perairan bandar dan sekitarnya.

Data Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merekodkan seramai 1,719 orang nelayan di Kota Kinabalu yang terdiri daripada tujuh kategori yang utama. Sebahagian besar daripada nelayan yang berdaftar di bandar raya Kota Kinabalu pada tahun 2012 adalah nelayan pukat tunda (43.0 peratus) diikuti kategori nelayan yang menggunakan pancing/rawai iaitu sebanyak 24.4 peratus. Daripada tujuh kategori ini, nelayan menggunakan bubu/kelong adalah yang paling sedikit iaitu seramai 17 orang (1.0 peratus) manakala selambau yang digabungkan dengan bagang pula sebanyak 84 orang (4.9 peratus). Kesemua nelayan yang tinggal di bandar raya Kota Kinabalu menetap di kawasan yang terletak di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Para nelayan ini boleh ditemui di sekitar perkampungan dalam bandar raya ini dan kawasan sekitarnya (Persatuan Nelayan Kota Kinabalu, 2012). Sebahagian besar daripada nelayan ini mendiami kawasan setinggan seperti Sembulan, Tanjung Aru dan Pulau Gaya. Dari segi kedudukan geografi, petempatan ketiga-tiga kawasan setinggan ini terletak di atas air dan berhampiran laut. Menyedari wujud kategori yang berbeza dalam komuniti nelayan dan faktor sosiobudaya yang berlainan bagi negeri Sabah, ciri-ciri yang wujud dalam kalangan nelayan di Kg. Pulau Gaya digunakan bagi menentukan kategori nelayan bandar.

Nelayan Bandar di Kg. Pulau Gaya

Kajian di Kg. Pulau Gaya telah menemui enam kategori nelayan di Kg. Pulau Gaya iaitu nelayan selambau, enjin sangkut, berdayung, pam bot, kapal dan jongkong. Setiap kategori nelayan ini mempunyai identiti tersendiri dan berbeza dari segi jenis peralatan yang digunakan, lokasi penangkapan ikan, bilangan kru, jenis vesel dan kemahiran serta pengetahuan yang dimiliki. Kajian dalam kalangan nelayan di Kg. Pulau Gaya mendapati aktiviti menangkap ikan turut disertai oleh golongan wanita meskipun angkanya amat kecil berbanding dengan lelaki. Golongan wanita ini turun ke laut dan menangkap ikan sama ada bersama suami ataupun bersama nelayan wanita yang lain. Bagi Salmiah, 52 tahun yang mengikut suaminya ke laut setiap hari menegaskan aktiviti penangkapan ikan juga boleh diceburi oleh wanita walaupun mengakui kerja sebagai nelayan kerap mencabar kekuatan fizikal dan emosinya sebagai perempuan. Menerusi temubual penyelidikan bersama responden lelaki yang lain mendapati para nelayan di pulau ini turut berasa kagum atas semangat yang ditunjukkan oleh informan wanita ini yang berjaya menceburkan diri dan bertahan menjadi nelayan sepenuh masa.

Jadual 1. Profil Demografi Responden Mengikut Kekkerapan

Maklumat	Kekerapan
Jantina	
Lelaki	52
Perempuan	2
Umur	
20 dan ke bawah	3
21-30 tahun	3
31-40 tahun	12
41-50 tahun	10
51-60 tahun	21
61-70 tahun	2
71 dan ke atas	3
Status Perkahwinan	
Berkahwin	45
Bujang	8
Balu	1
Tahap pendidikan	
Tidak pernah bersekolah	26
Tamat sekolah rendah	15
Tidak tamat sekolah rendah	9
Tamat menengah rendah	4

Daripada kajian yang dilakukan didapati terdapat tujuh kumpulan umur para responden yang terlibat dalam aktiviti nelayan di Kg. Pulau Gaya (lihat Jadual 1). Responden yang paling muda ditemui menjadi nelayan adalah nelayan yang berusia 17

tahun. Kedua-dua responden ini telah berhenti sekolah pada usia 12 tahun untuk melibatkan diri secara sepenuh masa dengan aktiviti penangkapan ikan di laut. Sebilangan besar responden yang terlibat dalam kajian ini adalah nelayan yang berusia dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun. Responden paling berusia yang ditemui dalam kajian ini berumur 75 tahun yang masih lagi aktif ke laut setiap hari. Jelasnya, aktiviti perikanan di bandar raya Kota Kinabalu diceburi oleh nelayan daripada pelbagai peringkat umur. Dari segi status perkahwinan, kajian ini mendapati majoriti daripada responden iaitu seramai 45 orang telah berkahwin dan mempunyai tanggungan masing-masing. Ada dalam kalangan responden ini merupakan penyumbang pendapatan tunggal isi rumah. Namun sebahagian besar pendapatan isi rumah responden disumbangkan oleh isteri dan anak-anak responden yang bekerja sebagai tukang bersih di bandar raya Kota Kinabalu, bekerja dalam sektor pelancongan di pulau ini mahupun anak-anak yang turut mencari mata pencarian sebagai nelayan.

Sesungguhnya, kerencaman etnik di Kg. Pulau Gaya ini memberi kesan ke atas dominasi etnik Bajau yang asalnya menguasai aktiviti perikanan di pulau ini. Lantaran itu, nelayan Kg. Pulau Gaya ketika kajian ini dijalankan terdiri daripada etnik Bajau, Ubian dan Suluk. Meskipun dari segi sejarah, ketiga-tiga etnik ini berasal dari rumpun yang sama (Gusni, 2008), namun pemisahan sebegini digariskan sendiri dalam kalangan penduduk disebabkan faktor kewarganegaraan dan aksesibiliti seperti yang dibincangkan sebelum ini. Dengan itu, tidak hairan Pulau Gaya telah menjadi kawasan perusahaan penangkapan ikan secara tradisional yang terbesar di Kota Kinabalu (PNKK, 2012). Lebih 60.0 peratus daripada ketua isi rumah di Pulau Gaya yang terlibat secara langsung dalam aktiviti nelayan sama ada mengusahakan aktiviti ini secara bersendirian, berkumpul mahupun bekerja dengan pemilik kapal tunda dan jerut di bandar raya ini. Kegiatan perikanan di Kota Kinabalu bergantung kepada nelayan yang tinggal di Pulau Gaya malahan perkampungan nelayan di pulau ini telah menjadi pusat perikanan (Mohd Zohri, 2007; Amaluddin & Mohammad Raduan, 2005) sama ada dari segi pendaratan ikan segar dan tenaga kerja dalam sektor ini. Dengan itu, nelayan Pulau Gaya merupakan antara pembekal sumber protein yang dipasarkan di sekitar bandar raya Kota Kinabalu, Sabah.

Manfaat Sosioekonomi dan Nelayan Kg. Pulau Gaya

Pembangunan pesat bandar raya Kota Kinabalu terutamanya dari aspek pelancongan dan perdagangan (DBKK, 2011) telah memberi impak yang positif terhadap nelayan di Kg. Pulau Gaya. Dengan ini, perkampungan nelayan ini turut memperoleh manfaat dan peluang sosio-ekonomi daripada pembangunan yang berlaku di pusat bandar raya tersebut dan persekitaran pulau ini. Kajian ini telah mengenalpasti empat faedah utama yang dinikmati oleh para responden kerana tinggal dalam kawasan bandar raya. Keadaan ini memberi kelebihan kepada responden berbanding dengan nelayan di kawasan luar bandar yang perlu berhadapan dengan masalah aksesibiliti terhadap bantuan dan subsidi kerajaan serta kesukaran memasarkan ikan (Ismail, 2013; Mohammad Raduan, Mazlan & Yeap, 2009) lantaran jaraknya yang jauh dari bandar. Empat bentuk manfaat yang diterima oleh responden dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Pemasaran Ikan Lebih Mudah

Kampung Pulau Gaya yang terletak sekitar dua kilometer dari pusat bandar raya Kota Kinabalu menjadikan para nelayan di kawasan ini mudah untuk memasarkan hasil tangkapan masing-masing setelah pulang dari laut. Kedudukan tempat tinggal nelayan yang dikelilingi laut dan berhadapan dengan ibu negeri Sabah ini memberi kelebihan dari segi logistik, kos dan masa untuk menghantar hasil tangkapan ke pusat pendaratan ikan mahupun ke pasar ikan. Umumnya, hasil tangkapan akan (i) dihantar terus dari laut kepada tauke yang menunggu di pusat pendaratan ikan ataupun (ii) dijual selepas responden berehat. Bagi kaedah pertama, lazimnya melibatkan nelayan yang mengurusniaga dengan tauke secara tetap. Pemerhatian penyelidik di lapangan mendapati, nelayan selambau akan menurunkan semua kru termasuk juragan di Pulau Gaya sebelum wakil yang terdiri daripada anak juragan yang merupakan awak-awak bergerak terus ke SAFMA untuk menghantar ikan kepada tauke. Selepas ikan ditimbang oleh tauke, wang hasil daripada tangkapan pada hari tersebut diserahkan kepada anak juragan tadi yang kemudiannya diberikan kepada juragan sebelum diagihkan semula kepada awak-awak yang lain pada hari yang sama.

Kaedah pemasaran ikan yang kedua pula dilakukan oleh sebahagian besar nelayan kategori enjin sangkut, pam bot dan berdayung yang memiliki bot dan peralatan menangkap ikan mereka sendiri. Temubual bersama responden mendapati rata-rata nelayan terbabit akan pulang ke rumah terlebih dahulu untuk mandi dan makan sebelum menjual tangkapan mereka kepada peniaga mahupun pembeli awam. Oleh kerana lokasi penjualan ikan hampir dengan rumah, nelayan tidak perlu risau hasil tangkapan menjadi rosak. Malahan mereka mengatakan adakalanya mereka sempat tidur sekitar sejam atau lebih sebelum menjual ikan. Dengan ini, selain pemasaran ikan lebih mudah, tinggal berdekatan dengan kawasan bandar raya membolehkan responden meluangkan masa untuk berehat sebelum memulakan urusanniaga dengan pembeli. Dalam pada itu, permintaan ikan segar di sekitar bandar raya Kota Kinabalu sentiasa tinggi terutamanya daripada restoren dan pusat pelancongan. Malahan daripada temubual bersama responden turut didapati ada dalam kalangan tauke responden ini yang mengeksport ikan ke negara lain seperti Hong Kong dan Taiwan di samping memenuhi permintaan penduduk setempat di sekitar bandar raya ini. Hal ini menurut responden menyebabkan hasil tangkapan mereka sentiasa laku dijual kepada para peniaga dan tauke sama ada untuk memenuhi permintaan tempatan mahupun luar negara.

Pelbagai Alternatif untuk Memasarkan Hasil Tangkapan

Kepelbagaian tempat memasarkan hasil tangkapan memberi peluang lebih baik dan alternatif kepada nelayan untuk menjual ikan dan tangkapan lain. Umumnya, nelayan di Kg. Pulau Gaya mempunyai lima lokasi untuk memasarkan hasil tangkapan mereka iaitu (i) pusat pendaratan ikan di SAFMA, (ii) Pasar Ikan Kota Kinabalu, (iii) tamu, (iv) bahu Jalan UMS Bypass dan (v) sekitar kampung. Bagaimanapun daripada lima alternatif ini, bahu Jalan UMS Bypass dan tamu adalah lokasi pemasaran ikan yang paling kurang diberi tumpuan oleh responden. Hal ini kerana responden perlu meluangkan masa yang lebih panjang untuk melakukan sendiri kerja menjual ikan. Meskipun begitu,

kepelbagaian alternatif ini boleh mengurangkan persaingan sesama nelayan untuk memasarkan ikan di sekitar bandar raya ini. Menurut seorang informan:

“KK ni besar, peraih dan peniaga ikan pun ramai. Saya boleh buat pilihan, sama ada mahu jual ikan kepada siapa dan di mana. Kalau ikan tidak banyak, saya jual di kampung sahaja. Kalau ikan banyak pula, saya bawa ke pasar ikan, ramai peniaga yang sedia menunggu ikan saya”.

(Suman, 59 tahun, nelayan enjin sangkut)

Jelas daripada temubual ini menunjukkan bilangan peraih dan peniaga ikan yang ramai di bandar raya ini turut memudahkan ikan informan dijual. Selain itu, temubual informal penyelidik bersama seorang nelayan dari Pulau Sepanggar yang datang menziarah anaknya di pulau ini turut mengakui kelebihan yang dimiliki oleh para nelayan di Pulau Gaya. Menurut nelayan terbabit, kos minyak lebih jimat, selain nelayan mempunyai banyak pilihan dan kaedah untuk memasarkan hasil tangkapan masing-masing. Ikan juga lebih segar kerana mereka boleh terus ke pasar untuk menjual ikan sejurus pulang dari laut, dengan itu, kualiti ikan juga masih baik yang kemudiannya memberi kesan terhadap harga ikan yang tinggi.

Akses kepada Pelbagai Kemudahan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Nelayan yang tinggal dalam kawasan bandar raya Kota Kinabalu memperoleh manfaat dari segi aksesibiliti kepada pelbagai kemudahan yang terdapat di sekitar bandar. Bentuk kemudahan ini merangkumi akses kepada petrol subsidi, ais, urusan dengan agensi kerajaan dan perbankan. Hal ini kerana hampir semua organisasi yang mempunyai hubungkait dengan nelayan beroperasi dalam kawasan bandar raya ini dan kawasan sekitarnya seperti LKIM, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Laut, Persatuan Nelayan Kota Kinabalu serta Ko-Nelayan. Justeru itu, urusan para nelayan Kg. Pulau Gaya dengan organisasi terbabit lebih mudah kerana lebih dekat manakala kos pergerakan lebih murah serta masa yang diambil juga lebih singkat. Misalnya, responden hanya perlu berjalan kaki kurang 10 minit dari jeti Pulau Gaya untuk mengambil kupon subsidi petrol dan melaporkan hasil tangkapan ke bahagian e-perisytiharan LKIM yang terletak di bangunan Wisma Sabah. Selain itu, rata-rata dalam kalangan responden yang membeli petrol subsidi dari stesen Shell juga dengan berjalan kaki kerana stesen tersebut terletak kurang satu kilometer dari jeti Pulau Gaya. Manakala bagi nelayan yang membeli lebih daripada dua tong petrol lazimnya menggunakan perkhidmatan mengangkut petrol menggunakan kenderaan pacuan empat roda dengan bayaran RM1 bagi setiap tong.

Bandar Menyediakan Pendapatan Tambahan Kepada Isi Rumah Nelayan

Sebahagian besar daripada nelayan bandar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai ahli isi rumah yang bekerja dalam sektor ekonomi di bandar. Jenis pekerjaan yang diceburi oleh ahli isi rumah nelayan di pusat bandar raya Kota Kinabalu adalah tukang bersih pejabat dan pusat membeli belah, pekerja hotel, pembantu juru jual di kedai, buruh kontrak, pemandu bot pelancong, bekerja dalam sektor swasta serta terlibat

dalam sektor tidak formal. Walaupun pekerjaan yang dilakukan oleh sebahagian besar ahli isi rumah responden adalah dalam kategori bukan profesional, namun semua ahli isi rumah yang bekerja ini menerima upah tetap sebanyak RM500 dan ke atas setiap bulan. Justeru itu, pendapatan ahli isi rumah yang bekerja dalam sektor ekonomi bandar ini telah menjadi sandaran kepada isi rumah nelayan terutamanya ketika musim ikan kurang. Dengan ini, meskipun pendapatan nelayan bersifat tidak menentu dan tidak ada jaminan bahawa ikan diperolehi setiap kali nelayan turun ke laut, namun, kekurangan ini ditampung oleh pendapatan ahli isi rumah lain yang mendapat gaji secara tetap setiap bulan. Menurut seorang isteri nelayan yang bekerja sebagai tukang bersih di pejabat:

“Syukur ada duit gaji saya. Kalau hendak diharapkan duit suami dari menangkap ikan, manalah cukup. Musim tengkujuh, dia (suami) lama tidak turun laut, mahu berbulan. Duit RM200 (elaun sara hidup nelayan) pula sekejap ja habis. Saya buat kerja sambilan, membersihkan pejabat di kedai perabot, saya dapat RM150 sebulan. Jadi dalam sebulan, selepas dicampur daripada dua kerja saya ni, saya dapatlah dalam RM950”.

(Ina, awal 30-an, isteri awak-awak selambau)

Justeru itu, pekerjaan dan pendapatan yang diterima oleh isteri dan anak-anak nelayan yang bekerja dalam pelbagai sektor di bandar adalah penting untuk kelangsungan perbelanjaan bulanan isi rumah nelayan khususnya ketika nelayan tidak boleh ke laut ataupun musim ikan kurang.

Perbincangan

Dalam kalangan penghuni miskin bandar, ada yang menggunakan sumber semulajadi di sekitar mereka seperti laut untuk melakukan aktiviti penghidupan seperti perikanan (Meikle, Ramasut & Walker, 2001) dengan menjadi nelayan (Mohd. Yusof, Kasim & Gari, 2006). Meskipun dalam literatur tentang komuniti nelayan sebelum ini tidak menyentuh nelayan yang tinggal dan menjalankan aktiviti perikanan di persekitaran bandar, kajian ini telah membuktikan aktiviti perikanan telah dijadikan sebagai sumber pendapatan utama isi rumah bandar. Aktiviti perikanan bandar dijana oleh individu atau kumpulan yang majoritinya berpendidikan rendah sama seperti nelayan di luar bandar (Ismail, 2013; Nor Hayati, 2010; Wan Mohd Zaifurin, Ibrahim & Abdul Majid, 2009; Fadzilah, 2008; Ismail & Mohammad Raduan, 2007). Sebahagian besar nelayan di Kg. Pulau Gaya mengakui kepentingan pendidikan, namun tanggapan bahawa bekerja sebagai nelayan tidak memerlukan kelayakan akademik dan mudah disertai menyebabkan pendidikan bukan menjadi keutamaan. Jelasnya, nelayan sama ada tinggal di luar bandar mahupun dalam persekitaran bandar masih merupakan komuniti terpinggir daripada pembangunan pendidikan meskipun akses kepada kemudahan pendidikan di kawasan bandar lebih terbuka luas.

Penemuan kajian dalam kalangan nelayan di Kg. Pulau Gaya ini berbeza dengan kajian lain sebelum ini terhadap nelayan khususnya di kawasan luar bandar negeri

Sabah. Sebagai contoh, nelayan merunggut mengenai jarak stesen minyak yang jauh dari kediaman telah meningkatkan kos pengangkutan nelayan (Ismail, 2013) dan kekangan terhadap kemudahan lain yang akhirnya menjejaskan pemasaran ikan para nelayan (Mohammad Raduan, Mazlan & Yeap, 2009). Masalah ini sebaliknya tidak dihadapi nelayan dari Kg. Pulau Gaya kerana mereka tinggal dalam kawasan bandar justeru akses kepada pelbagai kemudahan ini lebih terbuka luas. Maka dengan ini, nelayan di Kg. Pulau Gaya boleh mendapatkan kemudahan yang menjadi hambatan kepada rakan nelayan mereka di luar bandar seperti bekalan petrol/diesel subsidi dan ais dengan mudah serta urusan dengan organisasi berkaitan untuk memperbaharui lesen pukot serta urusan lain lebih senang dikendalikan. Begitu juga urusan simpanan wang dan pengeluaran elaun sara hidup dari Agro Bank boleh diakses dan dilaksanakan dengan kadar segera kerana lokasinya boleh dihubungkan dengan berjalan kaki dari jeti pulau ini.

Nelayan yang tinggal dalam kawasan bandar berhadapan dengan penghidupan yang lebih mencabar. Hal ini kerana selain berhadapan dengan faktor luaran sedia ada yang melingkari aktiviti perikanan, nelayan di bandar pula tidak memiliki aset produktif secara mutlak dan tersepit dengan pembangunan yang berlaku di sekitar mereka (Moser, 1998). Dalam kes nelayan bandar di Kg. Pulau Gaya, komuniti nelayan juga merupakan penghuni setinggan. Peluang dan halangan yang wujud dalam persekitaran bandar mempengaruhi corak dan strategi penghidupan nelayan. Kajian ini mendapati aset nyata (Moser, 1998) seperti tenaga kerja dan modal manusia serta aset tidak nyata (Chambers & Conway, 1992) seperti akses dalam menggunakan sumber dan memperoleh maklumat yang ada di persekitaran bandar digunakan oleh nelayan secara optima bagi berhadapan dengan ketidaktentuan yang berlaku dalam sektor perikanan dan kehidupan bandar. Penglibatan ahli isi rumah nelayan dalam sektor ekonomi bandar dan pelancongan menyebabkan golongan ini boleh berhadapan dengan kemiskinan seterusnya memperbaiki tahap kehidupan masing-masing.

Kesimpulan

Tinggal di dalam kawasan bandar menjadikan nelayan di Kg. Pulau Gaya telah menerima 'keistimewaan' untuk mengakses kemudahan yang tersedia di bandar raya Kota Kinabalu dan membantu melancarkan lagi aktiviti perikanan mereka. Keadaan ini berbeza dengan nelayan di kawasan luar bandar yang berhadapan dengan masalah aksesibiliti kepada kemudahan yang hanya boleh didapati di bandar (Ismail, 2013; Mohammad Raduan, Mazlan & Yeap, 2009) yang menjadi punca memisahkan komuniti nelayan daripada pembangunan dan kemajuan masyarakat arus perdana (Mohammad Raduan, Mazlan & Yeap, 2009). Bagaimanapun, kelebihan yang dimiliki nelayan Kg. Pulau Gaya ini tidak bersifat mutlak kerana golongan ini turut berhadapan dengan cabaran pembangunan yang rancak berlaku di sekitar mereka.

Rujukan

- Acheson, J. M. (1981). "Anthropology of Fishing". *Annual Review of Anthropology, Vol. 10*, 275-316.
- Béné, C. (2003). "When Fishery Rhymes with Poverty: A First Step Beyond the Old Paradigm on Poverty in Small-Scale Fisheries". *World Development Volume 31, Issue 6*, June 2003, 949-975.
- Chambers, R & Conway, G. (1992). Sustainable Rural Livelihoods: Practical Concepts for the 21st Century. IDS Discussion Paper 296, IDS, Brighton, United Kingdom.
- Fadzilah Majid Cooke. (2008). The Bajau of Mengkabong: Potential Partners in Wetlands Conservation?. Seminar Paper Series Number 5, 2008. Research Unit for Ethnography and Development, School of Social Sciences, Universiti Malaysia Sabah.
- Farrington, J., Ramasut, T. & Walker, J. (2002). Sustainable Livelihoods Approaches in Urban Areas: General Lessons, with Illustration from Indian Cases. Stockholm: Swedish International Development Cooperation Agency (Sida).
- Firth, R. (Terjemahan Yaacob Harun & Noor Hasnah Moin). (1990). *Nelayan Melayu Ekonomi Tani Mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Shari. (1990). *Ekonomi Nelayan Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan Pembezaan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gusni Saat. (2008). *Suku Etnik Bajau: Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haliza Mohd Said. (2011). Promoting Community Based Tourism in Bajau Laut Community in Kampung Pulau Gaya, Sabah. *Universiti Tun Abdul Razak E-Journal Vol. 7, No. 2*, 46-57.
- Ismail Ali. (2013). *Nelayan Artisanal di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ali & Mohammad Raduan Bin Mohd. Ariff. (2007). "Hubungan Ekosistem Marin Pinggir Pantai dan Muara Sungai Dengan Sosio-Ekonomi Komuniti Nelayan di Teluk Brunei dan Teluk Padas, Sabah: Satu Tinjauan". *Jati, Vol. 12*. December 2007, 229-245.
- Jalilah Md Shah. (2015). Nelayan dalam Bandar dan Pembangunan Komuniti di Kg. Pulau Gaya, Sabah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Krantz, L. (2001). The Sustainable Livelihood Approach to Poverty Reduction: An Introduction. Swedish International Development Cooperation Agency.
- Meikle, S, Ramasut, T & Walker, J. (2001). Sustainable Urban Livelihoods: Concepts and Implications on For Policy. Working Paper No. 112. London.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mazlan Majid & Yeap Hock Lai. (2009). "Penilaian Semula Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan Tradisional di Sabah: Kajian Kes di Daerah Kota Belud, Sabah". *Jati, Vol. 3*, 2009, 93-113.
- Mohammad Raduan bin Mohd Ariff, Mohammad Sharir bin Mohd Raduan & Zarina. (2007). "Masalah Nelayan Tradisional di Semenanjung Malaysia: Penyelesaian Tanpa Kesudahan". *Jati, Vol. 12*. December 2007, 247-258.
- Mohd. Yusof Kasim, Kasim Md. Mansur & Gari Itam. (2006). "Isu Kemiskinan Bandar: Kes Negeri Sabah". Dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris & Basri Abdul Talib

- (Editor). *Ekonomi Malaysia ke Arah Pascaindustri*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moser, C. (1998). "The Asset Vulnerability Framework: Reassessing Urban Poverty Reduction Strategies". *World Development*, Vol. 26, No. 1, 1-19.
- Mustaffa Omar, Ishak Yussof & Chamhuri Siwar. (2007). "Menangani Masalah Kemiskinan Melalui Strategi Peningkatan Modal Insan di Kalangan Penduduk Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting, Langkawi". Dalam Arshad Abd. Samad, Asmawati Suhid, Bahaman Abu Samah, Jamilah Othman, Jegak Uli, Mazanah Muhamad, Nobaya Ahmad & Samsilah Roslan (Penyunting). *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial, Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan*, Jilid 2. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.
- Nik Hashim Nik Mustapha. (1987). "Satu Analisis Ekonomi tentang Polisi Pembangunan Industri Perikanan dan Kesannya ke atas Nelayan dan Penggunaan Sumber". Dalam Mohd. Hafiah Piei. *Malaysia: Isu-isu Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Sa'at. (2010). *Keluar Dari Lingkaran Kemiskinan: Mobiliti Sosial di Kalangan Komuniti Pesisir Pantai, Kuala Terengganu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.
- Persatuan Nelayan Kota Kinabalu. (2012). *Jumlah Ahli Persatuan Nelayan Kota Kinabalu*. Tidak diterbitkan.
- Sudarmono, Junaenah Sulehan & Noor Rahamah Hj. Abu Bakar. (2012). *Dinamik Langganan dalam Masyarakat Nelayan: Artikulasi Ragam Pengeluaran Perikanan Berskala Kecil di Kelurahan Cambayya, Kota Makkasar, Sulawesi Selatan, Indonesia*. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 Issue 8, p. 65-75. Available from: www.ukm.my/geografia/. [Accessed: 12 November 2014].
- Wan Hashim Wan Teh. (1980). *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang @ Wan Ahmad, Ibrahim Mamat & Abdul Majid Mohd Isa. (2009). Faktor Peramal Minat Belia Untuk Menjadi Nelayan: Satu Kajian di Mukim Kuala Besut, Terengganu. *Jurnal Teknologi*, 50 (E) Jun 2009: 29-52.
- Yahya Ibrahim. (2001). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti Nelayan di Pulau Redang*. Nota Penyelidikan. *Akademia*, 59 (Julai) 2001: 95-116.